

16 APR 1996
Mahathir-NEP
EKONOMI PASARAN DAN NILAI MORAL

Oleh: Wan A. Hulaimi

OXFORD, 16 April (Bernama) -- Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang telah dilaksanakan di Malaysia merupakan satu-satunya projek pembangunan sosial yang benar-benar berjaya dan mendapat sokongan semua kaum di Malaysia, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari ini.

Dalam ucapan keduanya di perhimpunan pelajar dan pensyarah di Universiti Oxford atas tajuk Ekonomi Pasaran dan Nilai-nilai Moral dan Kebudayaan, Dr Mahathir berkata para pengkritik NEP berharap ia menemui kegagalan, pada mulanya menyelarnya sebagai satu penindasan ke atas kaum Cina untuk membantu orang Melayu.

Malah selepas didapati ia semakin diterima dan mendapat kerjasama daripada sebahagian besar masyarakat Cina, para pengkritik memberi helah baru, katanya.

"Mereka sekarang menyelar NEP kerana hanya menguntungkan segelintir orang Melayu terutama mereka yang rapat dengan parti pemerintah, UMNO. Memang benar bahawa mereka yang berjaya dalam perniagaan adalah yang rapat dengan UMNO, sebuah parti dengan 2.4 juta ahli dan berjuta-juta lagi penyokong.

"Jika mengambil kira bahawa terdapat hanya enam juta orang dewasa Melayu, adalah menghairankan jika sesetengah mereka yang mendapat faedah daripada NEP adalah bukan penyokong UMNO," kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir menambah kata bahawa ramai orang Melayu yang berada dalam UMNO atau rapat dengan para pemimpin jarang yang menjadi kaya tetapi hanya mendapat faedah sama seperti orang lain juga.

"Hari ini jumlah orang kaya Melayu sama banyak dengan orang Cina yang kaya dan begitu juga bagi golongan pertengahan dan miskin. Dalam lain perkataan, sebuah masyarakat yang saksama telah wujud dengan menyumbangkan kepada perpaduan kaum," katanya.

Beliau berkata sistem kerajaan dan pengurusan ekonomi yang dicipta oleh orang Eropah telah menjadikan mereka kaya tetapi daripada kejayaan itu timbul pula matlamat mahu bersenang-senang -- yang menentukan etika kerja dan apa yang dipanggil nilai-nilai Judaes-Kristian.

"Setiap orang mahu kerja semakin kurang tetapi upah yang lebih dengan masa rehat yang banyak. Upah naik manakala produktiviti jauh di belakang. Daya persaingan akan hilang."

Selepas Perang Dunia Kedua, negara-negara baru merdeka menggunakan model pengurusan ekonomi Eropah manakala negara-negara Asia Timur yang pintar melaksanakan sistem pasaran bebas sambil menyerap dan memperbaiki aspek teknologi.

" Dalam masa yang singkat, negara-negara Asia Timur telah maju sehingga mereka mampu bersaing dengan Eropah. Etika kerja mereka yang dikekalkan itu nampaknya memberi kelebihan berbanding dengan orang-orang Eropah," kata Dr Mahathir.

Dengan kejayaan ekonomi Malaysia, kita dituduh hidung tinggi oleh pengkritik-pengkritik, kata beliau.

" Sering dikatakan sejak kebelakangan ini kita banyak membina tugu. Bangunan tertinggi di dunia, lapangan terbesar di dunia, sebuah pusat pentadbiran yang baru, jalan-jalan yang baru, landasan keretapi yang baru dan lain-lain lagi," kata beliau.

Menjawab soalan beliau sendiri iaitu jika Malaysia, seperti banyak lagi negara yang berjaya di masa lampau yang kini diambang kemusnahan" beliau berkata walaupun kita mahu melihat Malaysia menjadi sebuah negara yang maju

sudah ada petanda-petanda ke arah itu.

" Penagihan dadah berterusan walaupun undang-undang anti dadah yang tegas, orang-orang muda melepak dan mengejar keseronokan tanpa memikirkan akibatnya. Taat setia kepada institusi telah hilang. Jenayah komersil telah meningkat. Rasuah masih terdapat walaupun tidak seteruk seperti yang dikatakan oleh pengkritik-pengkritik asing."

Langkah-langkah yang diambil untuk menghentikan ini - seperti memelihara etika kerja yang baik dan moral serta tidak lagi mementingkan elemen-elemen budaya yang tidak sesuai bagi kemajuan - tidak akan diterima oleh pemikir-pemikir liberal barat," kata beliau.

"Insyallah, menjelang 2020 kita akan benar-benar menjadi sebuah negara yang maju - maju daripada segi material, rohani dan berkekalan," kata beliau lagi.

Ucapan Dr Mahathir di dua pusat Universiti Oxford - Rhodes South dan Dewan Konvokesyen Perpustakaan Bodheian mendapat sambutan baik daripada cendekiawan-cendekiawan, diplomat-diplomat serta penuntut-penuntut yang memenuhi dewan-dewan itu yang juga menanya soalan-soalan yang mencabar.

Di Rhodes South pagi ini, selepas menyampaikan ucapan beliau mengenai Islam sebagai agama yang disalah faham, lebih ramai lagi yang hadir, bangun untuk memberi penghormatan.

Beliau mendapat tepukan gemuruh apabila menjawab soalan mengapa beliau tidak menyampaikan semangat persaudaraan Islam kepada penduduk Penan di Sarawak yang mana beliau berkata ramai yang mengkritik usaha-usaha kerajaan memperbaiki taraf hidup kaum Penan kerana mereka mahu kaum Penan terus hidup primitif supaya dapat meneruskan kajian antropologi mereka.

Lawatan Dr Mahathir ke Oxford merupakan bahagian pertama program beliau dalam rangka lawatan ke Eropah sebelum beliau berlepas ke Croatia dan Macedonia. Selepas itu beliau akan melawat Malta.

Turut mengiringi Dr Mahathir ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah dan delegasi yang terdiri dari ahli-ahli perniagaan Malaysia. -- BERNAMA

WAH OBA PR